

03/03/2016 - Majlis Penutup Konvensyen Perumahan Penjawat Awam 2016

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YBhg. Tan Sri Dr. Rebecca Fatima Sta Maria
Ketua Setiausaha,
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia;

YBhg. Datuk Haji Azih bin Muda,
Presiden,
Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS);

YBhg. Dato' Haji Abdul Fatah bin Haji Abdullah,
Presiden,
Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA);

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan;

YBhg. Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi atas limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada hari ini sempena Majlis Penutup Konvensyen Perumahan Penjawat Awam

2016 anjuran Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu CUEPACS dan ANGKASA atas kesudian menjemput saya ke majlis pada hari ini. Saya amat gembira dengan inisiatif yang diambil oleh pihak CUEPACS dan ANGKASA dalam menangani masalah pemilikan rumah di kalangan penjawat awam. Seperti yang hadirin semua sedia maklum, CUEPACS mewakili lebih kurang 500 ribu orang penjawat awam sementara ANGKASA mewakili 12,700 buah koperasi di seluruh Negara di mana ahli-ahlinya tentunya terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat.

3. Saya difahamkan satu resolusi yang merupakan hasil output dari konvensyen 2 hari ini akan diserahkan kepada saya selepas ini. Saya mengucapkan terima kasih di atas sumbangan idea dan pendapat yang telah diberikan oleh semua dalam menyediakan resolusi tersebut. Pihak Kerajaan akan mengkaji cadangan-cadangan yang diberikan untuk kebaikan semua pihak.

4. Saya berharap objektif konvensyen ini telah tercapai dalam memberikan idea-idea bagi mengatasi masalah pemilikan rumah yang terus membelenggu rakyat terutamanya penjawat awam. Saya juga berharap para peserta telah mendapat manfaat dari segi ilmu dan pendedahan kepada inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan masalah pemilikan rumah di kalangan rakyat dapat diatasi.

PENGUBAHSUAIAN BAJET 2016

Para hadirin sekalian,

5. Kerajaan amat mengambil berat dalam isu kebajikan. Perkara ini dapat dilihat di dalam intipati Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) dan Bajet 2016 yang berpaksikan kesejahteraan hidup rakyat. Hakikatnya, dalam persekitaran ekonomi global yang tidak stabil, ditambah pula dengan kejatuhan mendadak harga minyak dunia, ekonomi negara juga terkesan dengan faktor-faktor luaran ini.

6. Dalam dunia tanpa sempadan masa kini, tentunya ini memberi impak kepada kos sara hidup rakyat. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi melaksanakan langkah-langkah pengubahsuaian terhadap Bajet 2016. Pengubahsuaian Bajet 2016 ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Januari lepas.

7. Langkah ini amatlah penting dan perlu dilaksanakan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, dan yang lebih utama, melindungi kebajikan rakyat. Walaupun dilanda pelbagai cabaran, Kerajaan tetap komited dalam melaksanakan program-program yang telah dirancang yang memberi faedah terus kepada rakyat. Program-program seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), peruntukan pembiayaan PTPTN sebanyak RM 5 bilion dan pembinaan 10 buah Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh Negara tetap diteruskan bagi memberikan yang terbaik kepada rakyat.

8. Bagi penjawat awam, Kerajaan tetap meneruskan pelaksanaan satu kenaikan gaji pada 1 Julai tahun ini seperti yang telah dijanjikan dalam Bajet 2016. Kerajaan turut menegaskan bahawa tiada penjawat awam akan diberhentikan termasuk mereka yang dilantik secara kontrak. Kesemua inisiatif ini membuktikan komitmen Kerajaan terhadap kebajikan rakyat terutamanya penjawat awam walaupun dalam persekitaran ekonomi yang mencabar.

9. Semasa pengumuman Pengubahsuaian Bajet 2016, YAB Perdana Menteri juga telah memaklumkan bahawa semua penjualan rumah berharga di bawah RM 300 ribu dihadkan kepada pembeli rumah pertama sahaja. Sementara bagi projek Perumahan Rakyat berharga RM 35 ribu, Kerajaan menerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Rakyat menawarkan pakej pembiayaan pada kadar 4 peratus yang memberi manfaat kepada lebih 10 ribu pemilik rumah. Langkah-langkah ini membuktikan bahawa Kerajaan serius dalam memastikan rakyat mampu memiliki rumah dalam keadaan ekonomi masa kini.

PPA1M

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Bagi penjawat awam, satu program perumahan khusus untuk penjawat awam telah diperkenalkan pada tahun 2013 iaitu Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Saya dimaklumkan bahawa Unit PPA1M telah memberi penerangan berkenaan program PPA1M kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian. Oleh itu, saya tidak berniat untuk menghuraikan dengan lebih terperinci berkenaan latar belakang program berkenaan.

11. Saya ingin memaklumkan semua bahawa Program PPA1M ini merupakan inisiatif Kerajaan untuk membantu penjawat awam memiliki rumah yang berkualiti di lokasi yang strategik pada harga yang kurang dari harga pasaran. Bagi rumah-rumah PPA1M, harga yang ditawarkan adalah sebanyak 20%-30% kurang dari harga pasaran, di mana harga jualan adalah di antara RM 90,000 hingga RM 300,000.

12. Setakat ini, sebanyak 283 unit rumah yang berharga RM 90,000 telah diluluskan untuk pembinaan. Unit-unit rumah ini dikhaskan buat mereka yang berpendapatan kurang dari RM 1,200 sebulan. Saya akan memastikan bahawa lebih banyak lagi unit-unit rumah dengan harga sebegini ditawarkan buat penjawat awam yang tidak berpendapatan tinggi.

Para hadirin sekalian,

13. Program PPA1M ini dilaksanakan dan dipantau oleh Unit PPA1M yang telah ditubuhkan di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri (JPM). Setiap bulan, saya akan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas PPA1M yang bertindak untuk meluluskan projek-projek baru PPA1M, memantau pelaksanaan projek dan juga menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam pelaksanaan Program ini.

14. Alhamdulillah, pendekatan ini telah terbukti berkesan di mana sehingga hari ini, sebanyak 48,695 unit telah diluluskan dan sedang di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Sukacita saya maklumkan kepada semua hari ini bahawa terdapat beberapa projek sedang dalam fasa menandatangani Perjanjian Jual Beli dan bersedia untuk penyerahan kunci seawal

Jun tahun ini. Berdasarkan prestasi semasa, dijangkakan sebanyak 1,000 unit rumah akan siap tahun ini dan sejumlah 20,000 unit akan siap pada tahun 2017.

15. Sasaran kami adalah untuk mencapai 100,000 unit rumah seluruh Malaysia menjelang akhir tahun 2018. Insya-Allah, saya yakin dengan kerjasama dan kesungguhan semua pihak yang terlibat, sasaran ini akan dicapai.

16. Saya amat mengalu-alukan permohonan Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian bagi Program PPA1M ini. Permohonan boleh dibuat secara on-line melalui www.ppa1m.gov.my dan www.ppi.gov.my bagi rumah di Putrajaya. Sehingga kini, sebanyak 22 projek perumahan telah dibuka untuk permohonan di lokasi-lokasi seperti Putrajaya, Alor Setar, Pulau Pinang, Bukit Jalil, Seremban, Kuantan dan Sabah.

17. Sambutan awal nampaknya begitu menggalakkan di mana sejumlah 43,308 permohonan telah diterima bagi 15,987 unit rumah yang ditawarkan setakat ini. Angka ini menunjukkan permintaan sehingga 2.7 kali ganda dari jumlah unit yang ditawarkan.

18. Berdasarkan sambutan yang begitu baik ini, Kerajaan akan membuka lebih banyak lagi projek-projek PPA1M untuk permohonan tahun ini. Dalam masa terdekat ini, Unit PPA1M akan membuka permohonan bagi projek di Seberang Prai, Pulau Pinang dan Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Hebahan akan dibuat melalui laman web, media sosial dan emel apabila permohonan tersebut dibuka.

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

19. Saya yakin dengan sokongan CUEPACS dan ANGKASA, sebarang masalah atau kesulitan dalam isu pemilikan rumah penjawat awam dapat diatasi. Kerajaan sentiasa bekerjasama dan berdialog dengan pihak CUEPACS dalam pelbagai isu dan hubungan yang erat ini telah membuahkan hasil yang positif. Saya berharap kerjasama ini akan berterusan demi kebajikan semua penjawat awam.

20. Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada CUEPACS dan ANGKASA di atas kejayaan menganjurkan Konvensyen Perumahan Penjawat Awam 2016. Semoga program yang bermanfaat ini dapat dianjurkan lagi di masa hadapan agar lebih ramai ahli berpeluang untuk mempelajari dan mengetahui dengan lebih terperinci inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

21. Dengan lafaz kalimah suci '*Bismillahirrahmanirrahim*', saya dengan sukacitanya merasmikan penutup "Konvensyen Perumahan Penjawat Awam 2016".

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahm

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2047>